

Akhirnya Jamiel jaya rakam 'single'

2 Dec 2012

'Single' pertamanya, Nafasku, dirakam di bawah label Moro Records, diedar oleh Warner Music dan diterbitkan oleh Art Fazil

KALAU diikutkan keghairahan minatnya dalam bidang muzik, mahu saja Jamiel Said terus menjadi penyanyi dan penggubah lagu sebaik-baik saja tamat sekolah menengah untuk membuktikan minatnya dalam bidang itu bukan tin kosong semata-mata.

Apatah lagi bekas pelajar Sekolah Menengah Anderson ini pernah kecewa dan rasa tercabar apabila rakannya sendiri enggan berkongsi chord muzik bagi lagu ciptaannya kerana bimbang Jamiel menggunakan lagu tersebut untuk kepentingan sendiri.

Namun, kerana mengenangkan keadaan keluarganya yang susah, lebih-lebih lagi orang tuanya yang meletakkan harapan besar terhadap beliau sebagai anak sulung tiga beradik, Jamiel, 28 tahun, sanggup mengetepikan seketika niatnya menjadi penyanyi dan memastikan beliau menamatkan pelajaran sehingga ke menara gading.

Perjuangan untuk mencapai hasrat itu juga tidak mudah kerana keadaan keluarga yang sering kesimpatan wang. Bapanya seorang pemandu teksi, sementara ibunya pula bekerja sebagai pencuci.

Sambil belajar, Jamiel bekerja secara sambilan di kelab-kelab hiburan seperti Timbre, Harry's Bar dan Acid Bar. Gaji hasil persembahan di tempat-tempat itu juga membantu membiayai pengajiannya dalam satu program pertukaran pelajar di Universiti Chulalongkorn di Thailand.

Tidak cukup bekerja malam, beliau juga pernah menjadi tukang karung guni - mencari alat-alat terpakai dan surat khabar lama untuk dijual. Wang yang dikumpulkannya dijadikan modal untuk membeli sistem suara dan peralatan muzik agar dapat membantu beliau terus aktif bermain muzik.

Dengan ijazah Sarjana Muda bidang Pemasaran dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Jamiel mendapatkan pekerjaan sebagai pegawai sosial. Dari situlah timbul inspirasi menjadikan pengalaman mengendalikan orang-orang susah dan bermasalah, sebagai sebahagian cerita dalam lagu-lagu ciptaannya.

Dengan kira-kira 40 gubahannya dalam simpanan, semangatnya untuk kembali mengejar cita-citanya menjadi seniman, membakar kembali apabila beliau mendapat galakan dan bimbingan mentornya, penyanyi Art Fazil.



Jamiel berjaya merakamkan single pertamanya, Nafasku, dan lima lagi sedang dalam proses rakaman. Lagu tersebut dirakamkan di bawah label Moro Records dan diedarkan oleh Warner Music, diterbitkan oleh Art.

Video muzik Nafasku yang dimuat naik ke YouTube sejak dua bulan lalu, sejauh ini sudah mencapai lebih 3,000 tontonan dan juga diterima sebagai lagu deringan telefon untuk pelbagai syarikat perhubungan di Malaysia.

Ketika ditemui, pemuda yang lembut bicaranya ini berkata, walaupun usianya mungkin dilihat sudah agak matang untuk diperkenalkan sebagai artis baru dalam persada muzik tempatan, beliau tidak kesal kerana telah mengumpul pengalaman yang jelas banyak membantu beliau mematangkan karya-karya muziknya sebelum diketengahkan kepada orang ramai.

"Bayangkan kalau saya ikut perasaan, terus jadi penyanyi selepas tamat sekolah menengah semata-mata nak buktikan saya berbakat. Tentu waktu itu saya belum matang dan belum tentu muzik saya diterima orang. Alhamdulillah, hasil kesabaran dan mengumpul pengalaman, saya dapat tarik perhatian Art Fazil yang sememangnya menjadi salah seorang idola saya semasa zaman sekolah dulu. Saya sukakan lagu-lagu Art yang sangat bermakna seni katanya dan kuat melodinya," kata Jamiel.

Art yang turut berada di sisi semasa sesi wawancara ini berkata, beliau bersetuju menjadi penerbit single Jamiel kerana melihat potensi besar yang ada pada dirinya.

Suara Jamiel lembut, sementara jiwa lagunya cukup kuat.

Pengalaman dibesarkan dalam keluarga susah dan bekerja sebagai pegawai sosial juga tidak memisahkan beliau dengan karya-karya seninya dan pergerakan muziknya.

Beliau banyak melibatkan diri dalam projek-projek amal termasuk projek mengumpul dana untuk Rumah Anak Yatim Pattaya, Arts For Us All (AFUA), pelancaran buku untuk Rumah Kebajikan Muhammadiyah dan The Straits Times School Pocket Money Fund. Jamiel juga pernah menulis sebuah lagu khas untuk dana Project Cleft untuk badan yang dikenali Operation Smile.

Dana yang dikumpulkan digunakan untuk membiayai kos-kos pembedahan anak-anak yang dilahirkan sumbing di serata dunia.

"Memang inilah misi saya... mahu menjadikan seni muzik sebagai wadah menyebarkan mesej kemasyarakatan. Menerusi seni kata lagu, kita boleh mendidik orang ramai agar prihatin terhadap golongan susah. Menerusi persembahan nyanyian yang berkualiti, kita dapat menggunakannya sebagai saluran mengumpul dana," ujar pemuzik yang memiliki sebuah skuter Vespa Klasik Sprint V berwarna ungu. Pada Jamiel, skuter Vespanya adalah simbol dirinya yang bujang, bebas dan berkelana.

Dengan bimbingan Art Fazil, Jamiel dijangka merakamkan lebih banyak single dan kemudian album yang diharap dapat dijadikan sebahagian bahan projek-projek kemasyarakatan dan kebajikan